



● CIK Kamariah (kanan) dalam satu pertunjukan seni silat Pagar Ruyung.

# Keinginan Kamariah jadi sri kandi terkabul

22 MAY 1988

B. Minggu (M)

Rencana dan  
Gambar BAD LATIF

**G**ERAK tari seni silat Pagar Ruyung yang teratur dan keemas menarik minat seorang pendidik untuk menyertainya walaupun jarang disertai oleh kaum sejenisnya.

Keinginannya untuk menjadi sri kandi termakbul walaupun pada awalnya tidak mendapat persetujuan orang tuanya.

Kamariah Wahid, 23, dari Kampung Atas Tol, 15 kilometer dari bandar Kuala Terengganu begitu tertarik seni silat itu mendorongnya memujuk kedua orang tuanya supaya membenarkannya berguru.

"Saya begitu gembira kerana ibu bapa saya mengizinkan saya mempelajari silat ini," katanya. Kemudian menambah: "Kini saya berlatih bersungguh-sungguh."

Usahanya itu tidak sia-sia. Kini Kamariah bersama enam pesilat

lagi berjaya menjadi sri kandi di daerahnya.

Pesilat genit yang tangkas itu menerima sijil sri kandi dalam upacara berlimau di kampung Bukit Payung dekat sini baru-baru ini. Upacara penyerahan itu dilakukan oleh Ahli Dewan Undangan Bukit Payung, Encik Mazlan Awang.

Seramai 30 pesilat dari perguruan itu menerima sijil masing-masing termasuk lima wanita.

Ketika ditemui Kamariah berkata, dia sudah mengadakan pertunjukan silat di merata tempat di seluruh negeri ini.

"Antara yang paling hebat ialah demonstrasi seni silat kebangsaan di Padang Polo, Batu Buruk, Mac lalu," katanya.

"Persembahan itu benar-benar mencabar kewibawaan saya kerana dihadiri oleh pesilat dari pelbagai perguruan seluruh negara," katanya.

Perhimpunan itu dihaciri oleh pesilat dari Singapura dan Indonesia.

"Gerak tari saya mungkin di perhatikan oleh ribuan pesilat yang handal dan ini menyebabkan saya membuat persediaan yang cukup," katanya.

Kamariah seorang guru di Sekolah Kebangsaan Atas Tol, dekat sini berkata selain minatnya, orang tuanya yang dulu tidak bersetuju kini memberi dorongan yang kuat hingga dia berjaya.

Katanya, walaupun pada awalnya mereka keberatan membenarkannya, tetapi sebaik saja beliau belajar mereka kalah yang kuat memberi dorongan.

Beliau berkata, belajar ilmu mempertahankan diri adalah kewajipan bagi setiap orang Islam kerana dia adalah suruhan Junjungan kita.

Ini kerana belajar ilmu itu boleh mempertahankan maruah diri sendiri serta juga bangsa dan agama. Selain daripada itu ia boleh mendisiplinkan diri sendiri.

Selain daripada mengikuti seni silat, Kamariah juga menjadi setiausaha Persatuan Belia 4B kampungnya dan bekas setiausaha Umno di situ.